



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

#### PETRA KOMITED PERKUKUH SUMBER AIR SECARA MAMPAH MENERUSI PENGANJURAN MYWATER 2025

**PUTRAJAYA**, 22 Julai 2025 – Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) terus komited dalam memperkuuh pengurusan sumber air negara secara mampan menerusi penganjuran *Malaysia Water Forum* (MYWATER) 2025 yang bertemakan “Memacu Pelaksanaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu”.

MYWATER 2025 menjadi platform strategik yang menghimpunkan pemikir, pengamal dan pemimpin daripada pelbagai sektor berkaitan air bagi menilai cabaran semasa serta meneroka peluang baharu dalam pengurusan sumber air negara. Antara isu utama yang diketengahkan termasuk ketidakseimbangan agihan air, pencemaran sumber air, keperluan kepada sistem amaran awal dan pengurusan air bawah tanah yang lebih berdaya tahan.

Penganjuran MYWATER adalah sejajar dengan hala tuju global seperti yang digariskan dalam Deklarasi Menteri di World Water Forum ke-10 pada Mei 2024 ke arah menjamin ketersediaan dan pengurusan air serta sanitasi yang mampan untuk semua melalui tindakan yang inklusif, kerjasama erat dan inovatif. Ini mencerminkan komitmen Malaysia dalam menyelaraskan usaha pengurusan air dengan agenda antarabangsa serta memperkuuh kerjasama serantau dan global dalam menangani isu berkaitan air.

Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) adalah pendekatan penting dalam memastikan sumber air negara diurus secara mampan,

menyeluruh dan inklusif serta mengimbangi keperluan pelbagai sektor – termasuk domestik, industri, pertanian dan alam sekitar.

Pelaksanaan IWRM menjamin bekalan air bersih, menyokong pertumbuhan ekonomi, mengurangkan risiko bencana serta meningkatkan akses saksama kepada air dan sanitasi. Ia juga membantu memelihara ekosistem dan mengawal pencemaran melalui tadbir urus air yang menyeluruh, lebih bersepadu dan bertanggungjawab.

Sebagai peneraju ASEAN dalam **Program 1: Garis Panduan Strategi dan Rangka Penunjuk Negara bagi IWRM** di peringkat serantau IWRM, Malaysia komited memantau pelaksanaan strategi serantau melalui pelaporan bersepadu dan pembangunan kapasiti negara anggota, serta memperkuuh pencapaian **SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** serta **SDG 17: Kerjasama Global**.

PETRA komited dalam memastikan mencapai sasaran dan objektif IWRM di bawah Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR 2040) sejajar dengan konsep Malaysia MADANI yang menekankan kemampuan, kesejahteraan dan keprihatinan terhadap keperluan rakyat.

## KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR 22 JULAI 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)  
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

